

T-SUKZ

MySejahtera dikemaskini... pembelian kit ujian sendiri Covid-19 antara 3 ciri baharu

Selasa, 03 Ogos 2021 10:30 AM



APLIKASI MySejahtera telah dikemas kini dengan ciri terbaharu dalam usaha berterusan menentang penyebaran Covid-19.

Pengguna aplikasi itu kini boleh menggunakan tiga ikon terbaharunya iaitu Ujian Kendiri Covid-19, Kecemasan dan Fasiliti Kesihatan.

Pengguna yang menekan pada butang Ujian Kendiri Covid-19 akan memaparkan tiga kit ujian sendiri yang boleh dibeli iaitu Kit Ujian Rapid Antigen Salixium Covid-19 (RM39.90), Gmate Covid-19 AG Salive for Home Use (RM39.90) dan JusChek Covid-19 Antigen Rapid Test (RM29).

Pengguna yang berminat untuk membeli akan dibawa terus kepada pautan platform e-dagang farmasi untuk mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai produk serta pembayaran untuk pembelian.

Sementara itu, ikon kecemasan adalah untuk membuat panggilan terus ke talian 999 manakala ikon Fasiliti Kesihatan ditambah bertujuan untuk membantu pengguna mencari kemudahan kesihatan terdekat.



Langgan berita terkini, sensasi & gossip semasa terus ke emel anda. Sertai komuniti mStar hari ini!

Alamat emel anda Nombor telefon anda

Daftar

Terkini@Xpose

FAMILI

Perhatian bekas pesakit Covid-19... ambil tahu kenapa anda perlu tukar berus gigi selepas sembuh. 1 jam lalu



FAMILI

Tak sanggup lihat punggung bayi melecet kerana lamain pakai buang.

